

Pelaburan Ekuinas cecah RM246.8j

Oleh JUNHAIRI ALYASA
junhairi.alyasa@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Syarikat pengurusan dana ekuiti berkaitan kerajaan, Ekuinas Nasional Berhad (Ekuinas) telah mencatat prestasi kukuh pada tahun 2013 dengan melaksanakan sembilan pelaburan langsung dan penyumberan luar yang berjumlah RM246.8 juta.

Secara keseluruhan, jumlah komitmen pelaburan Ekuinas sejak ditubuhkan lima tahun lalu telah mencecah sehingga RM1.8 bilion.

Bersama rakan kongsi daripada pelabur swasta, ia juga telah menempatkan modal ekonomi lebih RM2.4 bilion sekali gus memberikan impak positif kepada ekonomi negara.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar berkata, Dana Langsung Ekuinas (Transye I) terus mencatatkan prestasi kukuh dengan jumlah pulangan portfolio kasar sebanyak RM655.9 juta bersamaan dengan kadar pulangan dalaman (IRR) kasar tahunan 25.5 peratus dan IRR bersih tahunan 20.4 peratus bagi tahun kewangan berakhir Disember 2013.

Tambah beliau, ia merupakan peningkatan sebanyak 78 peratus berbanding ta-



ABDUL WAHID (tengah) bersama Arshad dan Abdul Rahman (kanan) melihat laporan tahunan Ekuinas di Kuala Lumpur semalam.

hun 2012 yang mencatatkan jumlah pulangan portfolio kasar sebanyak RM368.6 juta.

“Kejayaan ini sekali gus telah melepasi sasaran kewangan minimum Ekuinas sebanyak 12 peratus dan sasaran aspirasi sebanyak 20 peratus.

“Pada masa yang sama, Ekuinas juga telah berjaya meningkatkan nilai ekuiti bu-

miputera sebanyak RM2.8 bilion, iaitu 1.7 kali ganda daripada pelaburan modal Ekuinas.

“Serentak dengan itu, ia telah berjaya mencipta jumlah nilai ekonomi sebanyak RM4.1 bilion untuk semua pemegang saham dalam syarikat portfolio Ekuinas yang mewakili 2.5 kali ganda pelaburan modal,” katanya ketika berucap pada Majlis Pe-

INFO Ekuinas

- Merupakan syarikat pengurusan dana ekuiti berkaitan kerajaan.
- Mempromosikan kesaksamaan dan kemapanan penyertaan bumiputera dalam ekonomi.
- Membangunkan syarikat terkemuka Malaysia untuk masa depan.
- Meningkatkan institusi ekuiti dan penyertaan individu bumiputera.
- Dana ekuiti swasta yang akan menumpukan pelaburan di dalam sektor-sektor berpotensi mengalami pertumbuhan tinggi seperti pelancongan, teknologi maklumat dan komunikasi, perubatan, minyak dan gas serta bioteknologi.

ngumuman Keputusan Ekuinas 2013 di sini semalam.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Datuk Abdul Rahman Ahmad dan Penggerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda.

Ekuinas telah menerima dana tambahan daripada kerajaan sebanyak RM600 juta pada tahun lalu menjadikan jumlah keseluruhan dana sejak ditubuhkan pada tahun 2009 ialah sebanyak RM2.4 bilion.